

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM MADANI RAKYAT 2025 SABAH: TANGANI KEMISKINAN MELALUI KEUSAHAWANAN

---

**TAWAU, 11 Mei** - Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 Sabah telah berlangsung selama tiga hari mulai 9 hingga 11 Mei 2025 di Dataran Majlis Perbandaran Tawau, Sabah. Pelaksanaan program berskala besar bagi lokasi pertama tahun ini merupakan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sebagai kementerian peneraju dan Kerajaan Negeri Sabah dengan Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Pejabat Perdana Menteri.

YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyambut baik dan merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Datuk Seri Panglima Anwar Ibrahim, Perdana Menteri atas keprihatinan terhadap keperluan peniaga-peniaga kecil khususnya di luar bandar Sabah dan Sarawak. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan tambahan pelaksanaan Projek Tamu Desa sebanyak RM10 juta kepada peruntukan asal tahun ini iaitu RM10 juta, menjadikan peruntukan keseluruhan Tamu Desa 2025 sebanyak RM20 juta.

Sambutan amat menggalakkan diterima daripada penduduk Sabah terutamanya di pantai timur negeri itu, khususnya di daerah Tawau. Kepelbagaian pengisian dan perkhidmatan yang ditawarkan telah berjaya menarik seramai 150,000 orang pengunjung, sehingga pukul 2:30 petang pada 11 Mei 2025.

Pengisian program melibatkan pembukaan 36 reruai kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah selain penglibatan sektor swasta. Antara komponen yang telah disediakan adalah sebanyak 242 perkhidmatan *touchpoint* rakyat, penglibatan 158 usahawan Jualan MADANI, pameran aset oleh 4 agensi kerajaan, 15 majikan di karnival kerjaya, 64 acara sesi libat urus pentas, 7 program satelit dan 7 bidang fokus TVET.

Sepanjang dua hari berlangsungnya Program MADANI Rakyat 2025 Sabah, jumlah jualan telah mencatat hampir RM1 juta. Jumlah ini meliputi Jualan Murah MADANI, Jualan Usahawan SDSI dan juga Usahawan “Food Truck”. Manakala Inisiatif Padanan Perniagaan mencatat jumlah RM365,000.00 dan Biaya Usahawan pula berjumlah RM3.4 juta sepanjang tempoh tersebut.

Inisiatif KUSKOP membantu usahawan terbukti dengan berlangsungnya penyerahan projek siap Premis Tamu Desa di Sabah iaitu sejumlah 59 tapak kesemuanya. KUSKOP telah melaksanakan Projek Tamu Desa di Sabah dan Sarawak pada tahun 2024 dan awal tahun 2025. Projek ini dilaksanakan dalam dua fasa melibatkan 98 projek di pelbagai lokasi strategik di Sabah dan Sarawak.

Perasmian Penutup Program MADANI Rakyat 2025 Sabah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Panglima Anwar Ibrahim, Perdana Menteri. Turut hadir YAB Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor, Ketua Menteri Sabah serta YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Pada majlis ini, Perdana Menteri turut melancarkan satu lagi inisiatif berimpak tinggi di bawah aspirasi Malaysia MADANI iaitu Program Solar MADANI. Program ini merupakan cetusan iltizam Perdana Menteri yang telah bersetuju agar projek ini dilaksanakan di seluruh negara khususnya bagi menambah baik infrastruktur asas dan meningkatkan keselamatan komuniti luar bandar.

Bagi memastikan naratif menoktahkan kemiskinan melalui keusahawanan dapat dijayakan, seramai lima usahawan yang asalnya dari golongan B40, telah menerima Anugerah Kecemerlangan Usahawan Sabah yang disampaikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri. Mereka ini merupakan usahawan ‘zero to hero’ yang mendapat bimbingan daripada agensi-agensi kerajaan sehingga berjaya mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

KUSKOP selaku kementerian peneraju ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua pihak merentasi kementerian/agensi persekutuan dan negeri, syarikat swasta, para usahawan dan khususnya warga Sabah yang telah hadir menjayakan dan memeriahkan program ini. Penganjuran PMR 2025 Sabah telah berjaya mencapai objektif untuk merakyatkan program dan perkhidmatan kerajaan di akar umbi serta menjadikan keusahawanan sebagai gerakan membasmi kemiskinan.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**11 MEI 2025**